

10 JUL 1996

PEMIMPIN MALAYSIA UTUS UCAPAN KEPADA MONGOLIA

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah telah menghantar perutusan tahniah kepada presiden Mongolia Punsalmaagiin Ochirbat sempena hari kebangsaan negara itu esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengutus ucapan tahniah kepada rakan sejawatannya Puntsagiin Jasrai, menurut kenyataan Wisma Putra.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, dalam perutusannya kepada Menteri Luar Mongolia Tserenpiliin Gombosuren, berkata Malaysia akan terus bekerjasama dengan Mongolia untuk mengukuhkan bidang dua hala dan antarabangsa.

-- BERNAMA

RAZ AKD